

52 penyokong Pas keluar parti sertai UMNO

UM-13/11/2006

BESUT 12 Nov. - Sekumpulan 52 ahli dan penyokong Pas daripada beberapa kampung di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Jertih mengisytiharkan keluar parti untuk menyertai UMNO dalam satu majlis di Kampung Padang Landak dekat sini, petang semalam.

Mereka terdiri daripada 30 muda dan selebihnya golongan tua berbuat demikian di hadapan Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh sempena Himpunan Mesra Rakyat di kampung itu.

Mereka berbuat demikian setelah berasa tertipu dengan tindak tanduk Pas yang jelas gagal melaksananya serta mendaulatkan agama Islam walaupun telah diberi peluang memerintah.

Salah seorang ahli kumpulan itu, **Nik Khalid Deraman**, 45, berkata, dia mengambil keputusan itu kerana yakin dengan UMNO yang lebih banyak membawa perubahan pembangunan.

"Saya membuat keputusan ini supaya tidak berterusan tertipu dengan kerenaah pemimpin Pas yang hanya bercakap tentang Islam tetapi tidak mampu melaksanakannya," katanya.

Rakannya, **Wan Azli Wan Ishak**, 29, berkata, apa yang dilihat sekarang ialah pemimpin UMNO lebih berwibawa dan banyak idea untuk membawa perubahan ke negeri ini.

Turun padang

Katanya, begitu juga dengan sikap wakil rakyat UMNO yang lebih cakna kepada rakyat dan sering turun padang untuk membantu semasa kecemasan.

Mohd Nor Hamid, 56, berkata, sepanjang 30 tahun berada dalam Pas hanya dipenuhi dengan cakap-cakap kosong kononnya untuk memperjuangkan Islam tetapi tiada apa yang dilakukan.

Katanya, apa yang berlaku selepas Pas menang pilihan raya umum 1999 ialah pemimpinnya tidak lagi masuk ke kampung untuk melihat keperluan rakyat.

Jusoh Saig, 51, berkata, walaupun laib daripada keluarga penyokong kuat Pas tetapi selepas 1999 dia mendapati semua pengorbanannya adalah sia-sia.

Ini katanya, kerana pemimpin Pas termasuk di peringkat kawasan hanya memandang ahli-ahlinya semasa musim pilihan raya sahaja.

"Saya berazam untuk membawa beberapa banyak ahli keluarga yang masih menyokong Pas ke dalam UMNO supaya mereka tidak terus menerus tertipu dengan kerenaah pemimpin Pas," jelasnya.

Nik Mahmud Merah, 67, berkata, dia memilih UMNO kerana apa yang penting ialah Islam yang maju dan boleh membawa sesuatu untuk rakyat terutama semasa susah.